

Pesan Yang Mulia Paus Fransiskus Sempena Hari Panggilan Sedunia 2020

"Domba mengikuti Gembala kerana mereka mengenal suaranya" (Yoh. 10:4)

Saudara dan Saudari yang dikasihi,

Pada 4 Ogos tahun lalu, semasa ulang tahun ke-160 kematian Curé of Ars, saya memilih untuk menulis sepucuk surat kepada semua paderi-paderi yang setiap hari mengabdikan hidup mereka untuk melayani umat Tuhan sebagai ungkapan kepada panggilan Tuhan.

Pada kesempatan itu, saya memilih empat kata kunci - Kesakitan, Kesyukuran, Dorongan dan Pujian - sebagai ungkapan terima kasih kepada para paderi dan sokongan pelayanan mereka. Saya percaya bahawa hari ini sempena doa untuk Hari Panggilan Sedunia kali ke-57, kata-kata tersebut juga ditujukan kepada seluruh umat Tuhan, berlatar-belakangkan petikan Injil yang menceritakan kepada kita pengalaman luar biasa Yesus dan Petrus semasa ribut taufan di danau Galilea (lih. Mat 14: 22-33).

Setelah pengandaan roti, yang mana telah mengejutkan orang banyak, Yesus menyuruh murid-muridnya untuk masuk ke dalam perahu dan mendahului dia ke pantai yang lain, sementara dia menyingkirkan diri dari orang banyak tersebut. Gambaran murid-murid yang menyeberangi tasik dapat membangkitkan gambaran perjalanan hidup kita sendiri. Sesungguhnya, perahu kehidupan kita sedang perlahan-lahan bergerak maju, dengan gelisah mencari tempat selamat dan bersiap sedia untuk menghadapi segala bahaya dan janji-janji daripada sang laut, namun pada masa yang sama kita mempercayai jurumudi akhirnya akan menjaga kita menuju ke arah jalan yang benar. Namun ada masanya perahu kita tersasar daripada landasan yang benar, tersesat oleh ilusi yang sebenarnya tidak wujud; bukan rumah api yang memimpin kita pulang, malah kita dilemparkan oleh badai kesukaran, keraguan dan ketakutan.

Hal serupa berlaku di hati mereka yang dipanggil untuk mengikuti Guru dari Nazaret, yang mana mereka harus mengambil satu persimpangan dan mengabaikan keselamatan mereka sendiri semata-mata untuk menjadi murid Tuhan. Risiko yang dihadapi adalah nyata: ketika malam tiba, angin melolong, perahu dilambung ombak dan takut akan kegagalan kerana tidak mencapai panggilan itu, boleh mengancam mereka secara keterlaluan.

Namun, Injil memberitahu kita bahawa di tengah-tengah perjalanan yang mencabar ini, kita tidak bersendirian. Seperti sinar pertama fajar selepas tengah malam, Tuhan datang berjalan di atas air yang berombak untuk bersama-sama dengan para murid; Dia mengajak Petrus untuk datang kepadaNya mengharungi ombak. Tuhan menyelamatkan Petrus ketika

melihat dia mulai tenggelam dan sesampainya dia di dalam perahu, Dia meredakan angin.

Oleh itu, kata dalam panggilan yang pertama ialah 'kesyukuran'. Mengambil jalan yang benar bukanlah sesuatu yang boleh kita lakukan sendiri, dan ia juga tidak bergantung pada jalan yang dipilih sendiri untuk dilalui. Bagaimana kita dapat mencari kepenuhan dalam hidup adalah lebih dari sekadar pilihan yang kita buat sebagai individu terpencil; di atas segalanya, ini merupakan ungkapan terhadap panggilan dari yang mahatinggi. Tuhan menunjukkan destinasi kita di danau yang bertentangan dan Dia memberi kita keberanian untuk menaiki perahu. Dalam memanggil kita, Dia menjadi jurumudi kita; dia menemani dan membimbing kita; dia melindungi kita dari keraguan dan bahkan membolehkan kita berjalan di perairan yang bergelombang.

Setiap panggilan adalah lahir daripada tatapan cintakasih Tuhan yang mana Dia datang untuk menemui kita, bahkan mungkin ketika perahu kita dihancurkan oleh ribut. "Panggilan adalah lebih daripada pilihan kita sendiri, ia adalah respon terhadap panggilan Tuhan yang tiada batas syaratnya" (Surat kepada Para Paderi, 4 Ogos 2019). Kita akan berjaya menemui dan memeluk panggilan kita apabila kita membuka hati kita dengan rasa syukur dan merasakannya melalui petikan Sabda Tuhan dalam hidup kita.

Ketika para murid melihat Yesus berjalan ke arah mereka di atas air danau, mereka pada mulanya sangkakan bahawa Dia adalah hantu dan mereka dipenuhi ketakutan. Yesus segera meyakinkan mereka dengan perkataan-Nya yang mana harus juga selalu menemani kehidupan dan perjalanan panggilan kita: "Tenanglah! Aku ini, jangan takut" (Mat 14:27). Oleh itu, ini adalah kata kunci kedua yang ingin saya sampaikan kepada anda ialah "dorongan".

Apa yang sering menghalang perjalanan, pertumbuhan dan pemilihan kita ke jalan yang Tuhan telah tetapkan untuk kita ialah tentang kewujudan "hantu" yang memberi masalah kepada hati kita. Ketika kita dipanggil untuk meninggalkan danau yang aman dan memeluk satu keadaan kehidupan - seperti perkahwinan, pelayanan kepaderian, religius, hidup bakti - reaksi pertama kita sering kali berasal dari "hantu ketidakpercayaan". Misalnya; Panggilan ini bukan untuk saya! Adakah ini benar-benar jalan yang betul untuk saya? Adakah Tuhan benar-benar mahu saya membuat keputusan ini?

Fikiran ini mampu bertumbuh kepada justifikasi dan perhitungan yang seterusnya melemahkan tekad kita, memberi kita keraguan dan membuat kita tidak berdaya di danau di mana tempat kita telah bermula. Kita berfikir yang mungkin kita salah, tidak mampu untuk berhadapan dengan cabaran, atau sekadar melihat dan menunggu hantu untuk dihalau.

Tuhan tahu bahawa pilihan panggilan hidup yang asas seperti perkahwinan atau hidup bakti khusus untuk pelayanan-Nya adalah panggilan yang melibatkan "keberanian". Dia tahu segala persoalan, keraguan dan kesulitan boleh mengoncang hati kita, dan maka itu Dia meyakinkan kita: "Tenanglah! Aku ini, jangan takut" (Mat 14:27). Kita tahu dengan iman bahawa Dia hadir

dan datang menemui kita, bahawa Dia selalu ada di sisi kita bahkan di tengah-tengah lautan ribut. Jaminan ini mampu membebaskan kita dari kelesuan yang saya sebut sebagai "kesedihan yang manis" (Surat kepada Para Paderi, 4 Ogos 2019), keputusan dalaman yang menghalangi kita untuk mengalami keindahan panggilan kita.

Dalam Surat Kepada Para Paderi, saya juga membicarakan tentang kesakitan, tetapi di sini saya ingin menterjemahkan perkataan itu secara berbeza, sebagai keletihan. Setiap panggilan membawa bersama tanggungjawab. Tuhan memanggil kita kerana Dia ingin membolehkan kita menjadi seperti Petrus untuk "berjalan di atas air". Dengan kata lain, untuk menguasai kehidupan kita dan menempatkan kehidupan itu di dalam Pelayanan Injil dalam cara yang konkrit melalui kehidupan seharian yang ditunjukkan-Nya kepada kita, dan secara khusus dalam berbagai bentuk pelayanan awam, kepaderian dan panggilan hidup bakti. Namun, seperti Santo Petrus, keinginan dan semangat tidak boleh dipisahkan dari kegagalan dan ketakutan.

Sekiranya kita membiarkan diri kita takut dengan tanggungjawab yang menanti kita - sama ada dalam kehidupan perkahwinan atau kepaderian - atau oleh kesusahan yang ada pada kita, maka kita akan segera berpaling dari pandangan Yesus dan, seperti Petrus, kita akan mulai tenggelam. Di sisi lain, di sebalik kelemahan dan kekurangan kita, iman membolehkan kita berjalan menuju kepada Tuhan yang Bangkit dan membolehkan kita menghadapi setiap badai. Setiap kali keletihan atau ketakutan membuat kita mulai tenggelam, Yesus menghulurkan tangannya kepada kita. Dia memberi kita semangat yang kita perlukan untuk menjalani pelayanan kita dengan penuh kegembiraan dan semangat.

Ketika Yesus akhirnya menaiki perahu, angin dihentikan dan ombak ditenangkan. Di sini kita mempunyai gambaran yang indah tentang apa yang Tuhan dapat lakukan pada saat pergolakan dan ribut di dalam kehidupan kita. Dia menenangkan angin, sehingga kekuatan kejahatan, ketakutan dan pengunduran diri tidak lagi berkuasa atas kita.

Dalam menghidupi panggilan khusus kita, segala badai kehidupan mampu melelahkan kita. Maka di sini saya juga memikirkan akan semua orang yang mempunyai tanggungjawab penting dalam masyarakat, pasangan-pasangan yang saya maksudkan adalah - bukan tanpa alasan - sebagai "insan yang berani", dan khususnya kepada mereka yang dengan cara telah memeluk kehidupan kepaderian atau hidup bakti. Saya menyedari kerja keras anda, rasa terencil yang kadang-kadang dapat membebani hati anda, risiko terjerumus ke dalam kebiasaan yang secara beransur-ansur dapat membuat nyala semangat panggilan kita mati, beban ketidakpastian dan ketidak-amanan masa, dan kebimbangan akan masa depan. Maka, tenanglah, jangan takut! Percayalah bahawa Yesus ada di sisi kita, dan jika kita mengakui dia sebagai Tuhan yang satu dalam hidup kita, Dia akan menghulurkan tangan-Nya, memegang dan menyelamatkan kita.

Walaupun di tengah perairan yang dilanda ribut taufan, namun kehidupan kita menjadi terbuka kepada pujian dan kesyukuran. Ini adalah kata kunci yang terakhir dalam panggilan kita, dan ini adalah undangan untuk memupuk sikap dalaman yang serupa ada dalam peribadi Bunda Maria. Maria bersyukur kerana Tuhan telah memilihnya, dia setia di tengah ketakutan dan kekacauan, dia dengan berani memeluk panggilannya dan menjadikan hidupnya sebagai lagu pujian abadi bagi Tuhan.

Para sahabat yang dikasihi, pada hari ini khususnya, tetapi juga kehidupan pastoral dalam komuniti kita, saya memohon agar Gereja terus-menerus mempromosikan panggilan. Semoga Gereja menyentuh hati orang-orang beriman dan membolehkan mereka untuk menemukan dengan penuh rasa syukur akan panggilan Tuhan dalam hidup mereka, untuk menemukan keberanian diri dalam mengatakan "ya" kepada Tuhan, untuk mengatasi keletihan dalam mengimani Kristus, dan untuk menjadikan hidup mereka sebagai lagu pujian bagi Tuhan, untuk saudara dan saudari mereka, dan untuk seluruh dunia. Semoga Perawan Maria menemani kita dan mendoakan untuk kita.

Rome, Saint John Lateran, 8 March 2020, the Second Sunday of Lent

Franciscus

Adaptasi oleh:
Komisi Panggilan Keuskupan Keningau, Sabah.